

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS 2021**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATUK SERI HAJI AHMAD BIN HAJI MASLAN  
[PONTIAN]**

**TARIKH : 29 SEPTEMBER 2021 (RABU)**

**SOALAN**

**DATUK SERI HAJI AHMAD BIN HAJI MASLAN [ PONTIAN ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan jumlah hutang Kerajaan dan kadar defisit yang dihadapi negara ketika ini dan apakah kaedah-kaedah yang perlu diambil untuk meringankan hutang negara, menambah pendapatan negara dan memastikan ekonomi tumbuh dengan baik.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Dalam Belanjawan 2021, defisit fiskal tahun 2021 telah diunjurkan sebanyak 5.4% berbanding KDNK berdasarkan jangkaan ekonomi akan berkembang pada kadar 6% hingga 7.5%. Walau bagaimanapun, susulan gelombang ketiga penularan wabak COVID-19, Kerajaan telah melaksanakan semula Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) bagi membendung penularan wabak COVID-19. Kerajaan juga telah memperkenalkan beberapa pakej bantuan tambahan seperti PERMAI, PEMERKASA, PEMERKASA+ dan PEMULIH bagi mengurangkan kesan PKP terhadap kehidupan rakyat dan kelangsungan perniagaan. Justeru, setelah mengambil kira kesan pelaksanaan PKP dan suntikan fiskal terhadap pakej-pakej tersebut, paras defisit fiskal 2021 telah disemak semula dan dijangka akan meningkat kepada sekitar 6.5% hingga 7% daripada KDNK.

2. Semakan paras defisit fiskal tersebut mengambil kira kutipan hasil Kerajaan Persekutuan yang berkurangan berikutan pelaksanaan PKP dan beberapa langkah percukaian. Walau bagaimanapun, pengurangan hasil tersebut akan ditampung oleh tambahan dividen daripada syarikat berkaitan kerajaan dan kutipan hasil yang lebih baik daripada sumber berasaskan komoditi seperti petroleum dan minyak sawit mentah. Dari konteks perbelanjaan pula, perbelanjaan mengurus (atau OE) dan perbelanjaan pembangunan (atau DE) disusun semula mengikut keutamaan bagi menampung pakej bantuan yang telah diumumkan.

Tuan Yang di-Pertua,

3. Sehingga akhir-Julai 2021, hutang Kerajaan Persekutuan berjumlah 957.3 bilion ringgit atau 62.8% daripada KDNK. Dalam pengurusan hutang, Kerajaan sentiasa mematuhi had statutori hutang yang ditetapkan dalam Akta berkaitan hutang mengikut jenis instrumen. Nisbah hutang Kerajaan Persekutuan yang merangkumi instrumen Sekuriti Kerajaan Malaysia (MGS), Terbitan Pelaburan Kerajaan Malaysia (MGII) dan Bil Perbendaharaan Islam Malaysia (MITB), kesemuanya mencatat 58.7% daripada KDNK, iaitu masih di bawah had statutori 60% KDNK yang ditetapkan dalam Akta Langkah-Langkah Sementara bagi Pembiayaan Kerajaan (Penyakit Koronavirus 2019 (COVID-19)) 2020. Selain itu, hutang Bil Perbendaharaan Malaysia (MTB) pada akhir-Julai 2021 berjumlah 8 bilion ringgit, tidak melebihi had 10 bilion ringgit yang ditetapkan di bawah Akta Bil Perbendaharaan (Tempatan) 1946. Hutang luar pesisir berjumlah 31 bilion ringgit pula, masih di bawah had 35 bilion ringgit yang ditetapkan dalam Akta Pinjaman Luar Negeri (1963).

4. Antara langkah yang akan diambil untuk meringankan beban hutang Kerajaan ialah melaksanakan reformasi fiskal. Ini termasuklah antara lain cadangan penggubalan Akta Tanggungjawab Fiskal dan Rangka Kerja Fiskal Jangka Sederhana untuk memacu langkah konsolidasi fiskal pasca krisis. Inisiatif ini akan mewujudkan ruang fiskal yang mencukupi dan memastikan hutang negara sentiasa berada pada paras terurus dalam tempoh jangka sederhana dan jangka panjang.

5. Selain itu, Kerajaan akan terus berusaha memperkukuh dan memaksimum kutipan hasil Kerajaan Persekutuan serta meningkatkan

keapungan cukai melalui inisiatif pembaharuan cukai. Antara langkah yang diumumkan semasa Belanjawan 2021 adalah cukai ke atas rokok elektronik dan vape serta penubuhan *Multi-Agency Task Force* dengan penyertaan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia dan Pusat Pencegahan Jenayah Kewangan Nasional bagi menambah baik kutipan hasil melalui pembasmian aktiviti penyeludupan terutama barangan berduti tinggi.

6. Kerajaan juga akan menggubal Strategi Hasil Jangka Sederhana dengan mengkaji dan menambah baik sistem percukaian sedia ada, memperluas asas hasil, memanfaatkan potensi sektor tidak formal, mengurangkan amalan terkurang lapor dan isytihar, mengurangkan ketirisan cukai serta menambah baik pentadbiran cukai melalui pengurusan data yang berkesan dan mengintegrasikan data dengan agensi berkaitan.

Tuan Yang di-Pertua,

7. Kerajaan telah melaksanakan Pelan Pemulihan Negara (PPN) pada Jun 2021 sebagai pendekatan menyeluruh untuk membawa negara keluar dari kancah COVID-19. Namun, pelaksanaan semula langkah pembendungan penularan wabak yang lebih ketat telah menjejaskan momentum pertumbuhan ekonomi tahun 2021 setelah mencatat pertumbuhan yang menggalakkan sebanyak 16.1% pada suku kedua 2021. Justeru, unjuran pertumbuhan ekonomi tahun 2021 telah disemak semula pada bulan Ogos 2021 kepada antara 3.0% hingga 4.0% berbanding anggaran awal iaitu antara 6.0% hingga 7.5% pada bulan Mac 2021. Anggaran pertumbuhan ini adalah berdasarkan andaian pembukaan semula sektor ekonomi dan sosial pada suku keempat 2021 berikutan kemajuan dan keberkesanan pelaksanaan program imunisasi COVID-19 yang memberangsangkan. Kemajuan kadar vaksinasi negara terkini yang amat memberangsangkan dijangka turut mendorong sentimen positif dalam kalangan perniagaan dan pengguna.

8. Bagi melindungi nyawa dan kehidupan rakyat serta mengurangkan kesan pandemik ke atas ekonomi, Kerajaan telah melaksanakan lapan pakej rangsangan dan bantuan bernilai 530 bilion ringgit sejak tahun 2020 dan dilengkapi oleh Belanjawan 2021 bernilai 322.5 bilion ringgit. Melalui

pakej-pakej dan inisiatif Belanjawan 2021 tersebut, lebih daripada 300 bilion ringgit masih tersedia untuk tahun ini bagi menyokong pemulihan ekonomi sepanjang pelaksanaan pelbagai fasa PPN. Faktor-faktor lain yang mendorong pemulihan ekonomi Malaysia adalah peningkatan permintaan luar khususnya daripada rakan dagangan utama terutamanya dari China, Singapura dan Amerika Syarikat, pemulihan harga komoditi terutamanya minyak mentah Brent yang meningkat kepada US Dollar 70 secara purata pada bulan Ogos 2021 berbanding US Dollar 42 pada tahun 2020, peralihan kepada digitalisasi serta pelaksanaan projek infrastruktur dengan kesan pengganda yang tinggi.

9. Melangkah ke hadapan, dengan pelancaran Dasar Revolusi Perindustrian Keempat Negara (4IR), pendigitalan dan penggunaan teknologi akan menjadi keutamaan untuk meningkatkan prospek dan daya tahan ekonomi jangka panjang Malaysia, selaras dengan Rangka Tindakan Ekonomi Digital Malaysia (MyDigital). Selain itu, dasar ini juga adalah seiring dengan pembaharuan struktur yang sedang dilaksanakan oleh Kerajaan dalam jangka masa sederhana termasuk melalui pelaksanaan kerangka kerja Aspirasi Pelaburan Nasional (NIA), dan juga inisiatif PERKUKUH Pelaburan Rakyat. Selain itu, Rancangan Malaysia Kedua Belas, 2021 – 2025, akan menyediakan rangka tindakan untuk memastikan pertumbuhan mampan, keterangkuman sosio-ekonomi dan kelestarian alam sekitar dalam jangka sederhana.

10. Selaras dengan Bajet 2022 yang bakal dibentangkan pada Oktober 2021 kelak, Kementerian Kewangan sedang mengadakan sesi libat urus dengan semua pihak berkepentingan. Langkah ini adalah bertepatan dengan konsep Keluarga Malaysia dalam merangka strategi untuk memastikan Malaysia mampu keluar sepenuhnya daripada krisis ekonomi dan kesihatan ini pada tahun 2022, seterusnya kembali kepada trend pertumbuhan KDNK seperti dalam tempoh pra-pandemik.

*Nota: Bagi tujuan pengiraan paras hutang kepada KDNK, nilai KDNK nominal (disemak) adalah 1,524.106 bilion ringgit.*

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT,  
PARLIMEN KE-14**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : TUAN CHA KEE CHIN [RASAH]**  
**TARIKH : 29 SEPTEMBER 2021 (RABU)**

**SOALAN**

**TUAN CHA KEE CHIN [ RASAH ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan peratus peminjam bank yang telah diluluskan permohonan mereka dan nilai keseluruhan yang terlibat dalam pelaksanaan Moratorium di bawah Pakej PEMULIH kali ini. Sama ada terdapat aduan daripada peminjam bahawa permohonan untuk moratorium telah ditolak oleh bank.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Di-Pertua,

1. Kerajaan telah memberikan kemudahan moratorium secara menyeluruh ke atas pinjaman bank sebagai sebahagian daripada langkah Pakej Rangsangan Ekonomi Prihatin Rakyat (atau PRIHATIN), PEMERKASA Tambahan dan PEMULIH untuk membantu meringankan beban kewangan rakyat dan perniagaan.
2. Sehingga kini, nilai pinjaman terkumpul moratorium dianggar berjumlah 452.5 bilion ringgit, dengan 101.4 bilion ringgit kepada PKS dan 351.1 bilion ringgit kepada peminjam individu. Seramai 2.6 juta peminjam telah menikmati kemudahan ini, yang terdiri daripada 2.5 juta peminjam individu dan 81,100 PKS.
3. Kadar kelulusan bantuan moratorium kepada peminjam adalah 99 peratus sejak Julai 2021. Peminjam hanya perlu menghubungi bank untuk membuat permohonan bantuan bayaran balik pinjaman dan kelulusan akan diberikan secara automatik kepada peminjam yang layak tanpa perlu mengemukakan bukti kelayakan atau dokumen sokongan.

4. Bagi peminjam yang menghadapi situasi yang lebih mencabar atau mereka yang mempunyai pinjaman di beberapa bank, mereka boleh merujuk kepada Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (atau AKPK) untuk mendapatkan khidmat nasihat mengenai bayaran balik pinjaman.

5. Sekiranya peminjam menghadapi kesukaran semasa berurusan dengan pihak bank atau permohonan bantuan bayaran balik pinjaman ditolak, mereka boleh menghubungi Bank Negara Malaysia secara terus melalui BNM TELELINK. Sebagai makluman, jumlah aduan yang diterima melalui BNM TELELINK adalah pada kadar yang agak rendah sepanjang tempoh PEMULIH (antara Jun hingga Ogos 2021), iaitu 0.46 peratus daripada jumlah permohonan yang diluluskan.

Tuan Yang Di-Pertua,

6. Kerajaan juga ingin menekankan bahawa bantuan bayaran balik pinjaman terus disediakan kepada mereka yang terjejas, dengan hampir kesemua permohonan bantuan bayaran balik pinjaman diluluskan oleh bank. Permohonan masih dibuka kepada peminjam yang memerlukan dan mereka hanya perlu menghubungi bank masing-masing.

Sekian, terima kasih.